

Lepasan SPM perlu bijak manfaat masa senggang

Keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sudah diumumkan pada 23 Mac lalu. Pelajar lepasan SPM semakin hampir untuk menempuh satu lagi suasana baru dalam kehidupan mereka selepas keputusan kemasukan ke universiti yang bakal diumumkan tidak lama lagi.

Mereka sepatutnya mempersiapkan diri dan bersedia untuk menghadapi suasana pembelajaran universiti yang berbeza dan lebih mencabar berbanding suasana pembelajaran di sekolah.

Namun, apa yang saya lihat, rata-rata pelajar lepasan SPM masih lagi belum puas menikmati kebebasan mereka selepas berakhirnya peperiksaan SPM pertengahan Disember lalu sehingga banyak masa mereka terisi dengan aktiviti yang tidak berfaedah seperti melepak, merayau-rayau dan sebagainya. Mereka sepatutnya mengisi masa yang ada dengan aktiviti yang lebih berfaedah seperti di bawah.

Menghadiri kursus bahasa

Menghadiri kursus bahasa adalah salah satu aktiviti yang sangat bermanfaat bagi pelajar. Dewasa ini, pelbagai kursus bahasa telah dibuka sebagai intensif untuk meningkatkan penguasaan pelajar dalam bahasa-bahasa tertentu. Jika dulu kebanyakan kelas intensif sebegini lebih tertumpu kepada penguasaan bahasa Inggeris, kini pelbagai kursus bahasa lain seperti Mandarin, bahasa Arab, Perancis dan Jepun turut dibuka. Sebelum melanjutkan pelajaran ke menara gading, mereka seharusnya tahu mengenai pentingnya penguasaan bahasa kepada individu yang bergelar siswazah.

Bagi sesetengah universiti, bahasa Inggeris adalah bahasa utama yang digunakan dalam sesi pembelajaran. Semua nota atau bahan rujukan juga kebanyakannya disediakan dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, jika mereka tidak membuat persediaan awal dan masih lemah dalam bahasa ini, mereka akan ketinggalan dan menjadi mahasiswa yang kurang berdaya saing. Malah umum mengetahui, ba-

hasa Inggeris adalah bahasa global yang digunakan secara meluas oleh masyarakat dunia dalam komunikasi harian mereka.

Bagi pelajar yang berhasrat ingin melanjutkan pelajaran ke Asia Barat seperti Mesir, Jordan, Kaherah dan sebagainya, tempoh ini seharusnya dimanfaatkan dengan menguasai bahasa Arab. Dengan ini, mereka dapat menambah kosa kata bahasa Arab dengan pelbagai perkataan baru yang belum pernah digunakan semasa di sekolah. Lagi pun, kebanyakan masyarakat Arab menggunakan bahasa Arab pasar dalam perbualan mereka. Oleh itu, mereka juga sepatutnya menguasai bahasa pasar masyarakat Arab untuk memudahkan urusan di sana nanti.

Selain itu, Mandarin juga menjadi bahasa yang penting pada masa kini. Jika kita perasan, kebanyakan iklan jawatan kosong sekarang meletakkan penguasaan Mandarin sebagai salah satu syarat kelayakan yang perlu ada pada pemohon. Menyedari kepentingan tersebut, terdapat sesetengah universiti yang menawarkan kursus ini kepada mahasiswa mereka. Oleh itu, jika mereka mampu menguasai bahasa ini, ia adalah satu kelebihan besar bagi mereka pada masa akan datang.

Menyertai kursus kemahiran

Remaja juga boleh mengisi masa mereka dengan menyertai kursus kemahiran yang dianjurkan oleh pelbagai pihak. Selain dapat meningkatkan kemahiran remaja dalam

“
Mereka sepatutnya mempersiapkan diri dan bersedia untuk menghadapi suasana pembelajaran universiti yang berbeza dan lebih mencabar berbanding suasana pembelajaran di sekolah”

sesuatu bidang, kursus sebegini juga boleh menjadi medan untuk mencungkil bakat yang ada pada remaja.

Melalui kursus sebegini, remaja dapat mempelajari pelbagai kemahiran dan teknik yang berguna. Menyedari kepentingan ini, Program Latihan 1Malaysia diperkenalkan pada 2011. Ia adalah kursus jangka pendek yang bertempat di kolej komuniti di seluruh Malaysia. Program ini menawarkan pelbagai kursus kepada remaja seperti kursus komputer dan teknologi maklumat, masakan, jahitan serta kursus solekan dan dandan. Kursus ini hanya mengambil masa selama dua bulan dan yuran yang dikenakan juga adalah berpatutan. Sebagai remaja, mereka sepatutnya merebut peluang ini untuk mempelajari pelbagai teknik kemahiran daripada menghabiskan masa dengan aktiviti tidak berfaedah.

Kem motivasi

Sebagai remaja yang bakal terdedah dengan cabaran luar, motivasi yang tinggi perlu ada dalam diri mereka. Hal ini kerana, sesetengah remaja mula hilang motivasi diri untuk menyambung pelajaran apabila terlalu lama bercuti. Kadangkala, pengaruh luar terutama rakan sebaya yang kurang berminat untuk meneruskan pelajaran membuatkan mereka terikut untuk melupakan hasrat itu. Oleh itu, mereka sepatutnya menghindari pemikiran itu dengan menyertai kem motivasi untuk meningkatkan motivasi diri mereka.

Kem sebegini amat berguna kerana ia dapat membuka minda pelajar dengan pelbagai maklumat yang bermanfaat serta dapat meningkatkan potensi yang ada dalam diri mereka. Melalui kem sebegini, remaja dapat membina jati diri mereka melalui latihan dan bimbingan yang di sediakan. Di samping itu, ia juga dapat melahirkan remaja yang berdisiplin, bersifat kepemimpinan serta berkeyakinan tinggi.

Timba pengalaman bekerja

Bekerja juga salah satu pilihan yang bijak bagi lepasan SPM mengisi masa terluang. Di samping dapat menimba pengalaman, remaja juga berpeluang untuk mengumpul wang saku hasil titik peluh mereka sendiri. Dengan ini, sedikit sebanyak mereka dapat membantu meringankan beban kewangan keluarga.

Malah, wang itu juga boleh digunakan untuk membeli barangan keperluan jika mereka berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti. Melalui wang tersebut, sekurang-kurangnya ibu bapa tidak perlu risau memikirkan wang perbelanjaan untuk pelbagai barangan yang bukan sedikit.



Penulis

Daripada Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
RAHIMAH ABULLAH



Lepasan SPM yang bekerja sementara dapat mengisi masa terluang dengan menimba pengalaman dan mengumpul wang saku.